

Program CSR siswa UMS santuni murid SK Kukuro Beaufort

Sumbang khidmat masyarakat kepada sekolah, murid luar bandar
UB 08.08.2024 P.02

KOTA KINABALU: Mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerusi Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) Non Residen bersama-sama Pusat Non Residen dan Fasiliti Perumahan Pelajar (PNRF) menyantuni murid-murid di Sekolah Kebangsaan (SK) Kukuro, Beaufort menerusi penganjuran Program Santunan Kasih di sekolah tersebut, baru-baru ini.

Pengarah program, Siti Shazlinah Aripin berkata, seramai 25 pelajar NR UMS dan lapan pelajar dari Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF) yang diketuai Ag.Ku Ade Az Zarief menyertai program itu.

“Program Tanggungjawab

Sosial Masyarakat (CSR) ini bertujuan menyantuni sekali gus memberi sumbangan khidmat masyarakat kepada pihak sekolah dan murid-murid sekolah luar bandar dalam daerah Beaufort.

“Beberapa aktiviti diadakan seperti program Latihan Dalam Kumpulan (LDK) dan motivasi, penanaman anak pokok di kawasan sekolah dan lukisan mural di bangunan sekolah serta program gotong-royong membersihkan sekitar premis sekolah,” katanya.

Menurutnya, penganjuran program itu memberi manfaat kepada lebih 20 murid dan 10 tenaga kerja di sekolah tersebut.

Dalam pada itu, Guru Besar SK Kukuro, Abdul

Mikri Amit merakamkan penghargaan kepada pihak UMS yang berbesar hati untuk mengadakan program CSR buat julung kalinya di sekolah berkenaan.

“Setinggi penghargaan diucapkan khususnya kepada Naib Canselor UMS dan Pihak PNRF serta JAKMAS NR atas inisiatif mengadakan program murni ini.

“Diharapkan agar program seperti ini akan dapat diteruskan lagi di masa akan datang,” katanya.

Wakil Pejabat Pendidikan Daerah Beaufort, Safni Kili turut senada dengan mengharapkan agar lebih banyak sekolah di daerah Beaufort akan terpilih untuk pelaksanaan program seumpama itu.

Sementara itu, Pengarah penghargaan kepada pihak PNRF, Hasmi Hashim ketika berucap merasmikan penutupan program tersebut juga merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak pengurusan sekolah atas kesudian menerima rombongan UMS.

“Pihak universiti amat menghargai komitmen tinggi dalam memastikan kelancaran pelaksanaan program ini dengan penglibatan, sokongan dan kerjasama jitu yang telah diberikan oleh pihak sekolah.

“Semoga program ini akan meninggalkan impak yang positif kepada seluruh warga sekolah dan kerjasama yang terjalin ini akan diteruskan pada masa akan datang,” katanya.



KENANGAN: Pengurusan sekolah SK Kukuro, Beaufort merakamkan gambar bersama rombongan UMS dan peserta program.



ROMBONGAN: Murid SK Kukuro bersama rombongan UMS.